



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

PENDAHULUAN

1. Pada 7 Jun 2020 YAB Perdana Menteri telah membuat pengumuman fasa pemulihan COVID-19. Fasa pemulihan ini adalah sebahagian daripada *exit strategy* atau strategi keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sejak 4 Mei 2020 bagi membendung penularan wabak COVID-19 seperti termaktub di dalam Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (A) 87 Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020.
2. Garis panduan ini disediakan sebagai tambahan kepada Perintah Tetap atau Arahan sedia ada ekoran pelaksanaan PKPP akibat penularan wabak Covid-19.

TUJUAN

3. Garis panduan ini sebagai rujukan kepada pegawai Bomba bagi melaksanakan aktiviti penghapusan bahaya kebakaran (MBK).

PEMERIKSAAN PREMIS BAGI TUJUAN PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN

4. Pemeriksaan premis ini adalah bagi tujuan pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.
5. Pegawai Bomba hendaklah memastikan pelaksanaan pemeriksaan sepanjang tempoh PKPP seperti berikut adalah dipatuhi:
 - i. Merancang pemeriksaan dengan menyediakan jadual pemeriksaan sepanjang tempoh PKPP.
 - ii. Mengeluarkan surat/notis pemakluman kepada pemilik/pemunya/penyewa premis bagi pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran.
 - iii. Membuat pemeriksaan MBK pada tarikh yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat perubahan tarikh pemeriksaan, pemakluman awal hendaklah dinyatakan dan penetapan semula tarikh pemeriksaan hendaklah dijadualkan.
 - iv. Memastikan kehadiran pemilik/pemunya/penyewa premis semasa pemeriksaan.
6. Jumlah pegawai bomba yang hadir ke tapak pemeriksaan adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang dan tidak melebihi tiga (3) orang. Disyorkan supaya pemeriksaan dibuat bersama pegawai Bomba dari bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.
7. Bagi pegawai Bomba yang hadir ke tapak pemeriksaan perlu mematuhi langkah-langkah kawalan kesihatan JBPM seperti berikut:

- i. Pegawai bomba yang hadir perlulah sihat dan bebas dari jangkitan COVID-19.
 - ii. Pemeriksaan suhu badan. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5°C atau lebih, atau mempunyai gejala COVID-19, tidak dibenarkan hadir pemeriksaan.
 - iii. Memakai *glove* dan *face mask*.
 - iv. Menggunakan sabun atau *hand sanitizer* sebelum dan selepas bagi sesuatu aktiviti.
 - v. Penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1-meter pada setiap aktiviti.
8. Pihak JBPM berhak untuk membatalkan atau menangguhkan pemeriksaan jika didapati terdapat ketidakpatuhan oleh pihak pemilik/pemunya/penyewa premis bagi mana-mana perkara tersebut di atas.
9. Pemeriksaan dan ujian dijalankan berdasarkan kepada kehendak-kehendak Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK).
10. Menyediakan laporan pemeriksaan.
11. Pihak pemilik/pemunya/penyewa premis hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut;
 - i. Memastikan PKK yang akan diperiksa/diuji berfungsi dengan baik.
 - ii. Menyediakan peralatan *thermal scanner*, *glove*, *face mask* dan *hand sanitizer*.
 - iii. Jumlah kehadiran pihak pemilik/pemunya/penyewa premis semasa pemeriksaan MBK tidak melebihi 10 orang.
12. Pihak yang hadir ke tapak pemeriksaan perlu mematuhi langkah-langkah kawalan kesihatan JBPM seperti para 7 di atas.


PENUTUP

13. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh pegawai Bomba dan pihak pemilik/pemunya/penyewa premis sepanjang tempoh PKPP berkuatkuasa.

TARIKH KUAT KUASA

14. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh pelaksanaan PKPP iaitu pada 7 Jun 2020.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

// Jun 2020